

NO SOALAN :178

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH
(KALABAKAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH
[KALABAKAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan semenjak pelaksanaan GST, apakah kelemahan-kelemahan utama yang didapati dalam mekanisme pelaksanaannya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persiapan untuk melaksanakan GST telah bermula lebih awal lagi di mana konsultasi yang intensif telah diadakan dengan semua pihak. Ini termasuk industri, pengguna, ahli akademik dan pelbagai agensi Kerajaan bagi merangka model cukai GST yang paling sesuai untuk dilaksanakan di Malaysia. Persiapan yang

dimaksudkan adalah dari segi latihan kepada kakitangan, perubahan sistem perkomputeran dan penilaian semula proses perniagaan.

JKDM juga telah membuat persediaan yang rapi untuk pelaksanaan GST. Sistem pengkomputeran MyGST telah dibangunkan dan diuji dalam tempoh setahun dan proses pendaftaran awal telah dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan sebelum tarikh pelaksanaan GST. Ini bagi memastikan tiada masalah yang timbul apabila GST dilaksanakan. Selain itu, pengambilan pegawai baru dan penempatan semula pegawai mengikut keperluan telah dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada peringkat awal pelaksanaan GST, kebanyakan syarikat besar telah bersedia dan faham tentang pelaksanaan GST. Manakala bagi syarikat di bawah kategori Industri Kecil dan Sederhana (SME), tahap pemahaman mereka mengenai GST adalah rendah dan mereka juga kurang bersedia untuk melaksanakan GST. Kerajaan sedar tentang situasi ini dan telah menjalankan usaha berterusan untuk memberi kefahaman tentang pelaksanaan GST kepada golongan sasaran melalui program penerangan GST dan program *Hand Holding*

yang dijalankan mengikut sektor-sektor industri secara lebih mendalam. Melalui usaha-usaha yang telah dijalankan, didapati tahap pemahaman GST oleh kebanyakan SME dan syarikat kecil telah meningkat.

Bagi memastikan tahap pemahaman ini terus meningkat, Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai program kesedaran dan latihan GST kepada semua lapisan masyarakat termasuk peniaga bagi meningkatkan kefahaman yang tepat mengenai GST. Kerajaan melalui Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) juga akan terus melaksanakan program *Hand Holding* kepada syarikat-syarikat yang telah mendaftar GST bagi memudahkan pemahaman yang terperinci mengenai pelaksanaan GST. Sehingga 10 Jun 2015, sebanyak 524 program *Hand Holding* telah diadakan dengan penyertaan lebih daripada 50,000 orang dari pelbagai sektor perniagaan.

Selain itu, JKDM juga telah menubuhkan *GST Helpdesk* di seluruh negara bagi membantu dan membimbing peniaga dalam menguruskan sistem GST. JKDM turut memuat naik video panduan membuat pembayaran GST dan panduan mengemukakan penyata GST di portal

gst.customs.gov.my bagi memudahkan peniaga membuat tuntutan atau pembayaran GST.